



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**21 JUN 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **166 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **67,707 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 265 menjadikan jumlah kumulatif 65,238 orang. Seramai 1,586 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 468 orang di hospital, 1,116 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 66 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid bertukar dari zon merah ke zon jingga

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

## Analisa Kes COVID-19 di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan tiga (3) kes iaitu daripada 163 kes semalam (20 Jun 2021) kepada 166 kes (21 Jun 2021).
- ii Daripada 166 kes jangkitan baharu hari ini, 83 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 49 kes adalah daripada saringan kluster, 19 kes adalah daripada saringan bergejala, empat (4) kes daripada saringan bersasar dan 11 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 11 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan sembilan (9) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala dua (2) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Sandakan 16 kes (+14) dan Kota Kinabalu 44 kes (+13), dimana jumlah 17 kes daripada 44 kes di Kota Kinabalu adalah daripada Saringan Kluster.
- iv Walau bagaimanapun, sembilan (9) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala dua (2) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kunak (-20) dan Keningau (-15).
- v Pada hari ini, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Kalabakan, Ranau, Putatan, Kuala Penyu, Tenom dan Tambunan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah, (11) daerah mencatatkan kenaikan kes, sembilan (9) daerah mencatatkan penurunan kes, tujuh (7) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam dengan kesemuanya adalah daerah sifar (0) kes, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes, satu (1) daerah kekal sebagai Zon Hijau (Beluran), dua (2) kluster baru direkodkan iaitu Kluster Samedra, Kota Kinabalu dan Kluster Serudung Baru Tawau, dan enam (6) kluster merekodkan catatan kes yang agak aktif iaitu Kluster Samedra (15 kes), Kluster Serudung Baru sembilan (9) kes, Kluster Nelayan Tengah tujuh (7) kes, Kluster Kampung Gusi lima (5) kes, Kluster Indah empat (4) kes dan Kluster Taman Wawasan empat (4) kes.

- vii Pelandaian kes baharu hanya akan berlaku sekiranya kes terus menurun namun, dengan jumlah catatan sebanyak 83 kes daripada Saringan Kontak Rapat, perubahan angka yang tidak statik serta hanya satu (1) daerah Zon Hijau, dapat disimpulkan terdapat kebarangkalian tinggi bahawa masih berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Samedra, Kota Kinabalu** melibatkan penularan jangkitan dalam kalangan kakitangan pelantar minyak iaitu di Platform FPSO KIKEH. Kes indeks merupakan penyelia lelaki, 35, yang mula bergejala sejak 12 Jun 2021 sebelum disahkan positif COVID-19 hasil saringan pekerjaan pada tarikh sama di klinik swasta. Turut dikesan positif ialah 24 kontak dalam kalangan rakan sekerja kes indeks, menjadikan jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini sebanyak 25 kes. Aktiviti saringan dan kawalan masih giat dijalankan.
- ii **Kluster Serudung Baru, Tawau** adalah kluster baharu di Mukim Balung, Daerah Tawau. Kluster ini berkait rapat dengan majlis hari jadi yang diadakan di rumah kes indeks dan dihadiri ahli keluarga pada 12 Jun 2021. Kes indeks merupakan warga emas, lelaki, 60, disahkan positif COVID-19 pada 16 Jun 2021 di Klinik Kesihatan Apas Balung, setelah bergejala sejak 13 Jun 2021. Susulan kes itu, saringan kontak pada 20 Jun 2021 mendapati sembilan (9) individu dalam kalangan jemputan majlis terbabit dikesan positif. Setakat hari ini, sembilan (9) lagi kes positif direkodkan menjadikan jumlah kumulatif bagi kluster ini sebanyak 19 kes. Aktiviti pegesanan kontak rapat sedang giat dijalankan dan punca jangkitan masih dalam siasatan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,208 unit

- Hospital 722 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 37.96%.

## **B PENINGKATAN JUMLAH KES DAERAH KOTA KINABALU**

Berbanding daerah lain, Kota Kinabalu mencatat jumlah kes COVID-19 tertinggi pada hari ini iaitu 44 kes. Peningkatan angka ini adalah berikutan aktiviti saringan berterusan termasuk Kluster Coral yang menokok dua (2) kes dan saringan kluster baharu, Kluster Samedra juga merekod 15 kes. Kluster Samedra dan Kluster Coral adalah kes di pelantar minyak yang dimasukkan ke dalam jumlah kes di daerah Kota Kinabalu. Turut menyumbang, hasil saringan kontak dengan bilangan 18 kes, saringan bergejala enam (6) kes serta lain-lain tiga (3) kes.

## **C PKPD 2 LOKALITI DI TAWAU**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Tawau iaitu:

- Blok 11 Kampung Titingan
- Batu 7, Jalan Tinagat

2 Sehingga kini, sebanyak 13 kes positif COVID-19 telah direkodkan di Blok 11 Kampung Titingan selepas 36 individu disaring manakala di Batu 7, Jalan Tinagat terdapat 12 kes dilaporkan hasil daripada 15 ujian saringan dilakukan oleh KKM di lokaliti tersebut.

3 KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehhjangan yang tinggi di lokaliti tersebut.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 23 Jun sehingga 06 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

#### **D PKPD KAMPUNG EJUK, KOTA BELUD**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Ejuk, Kota Belud.
- 2 Sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah direkodkan selepas 16 individu disaring dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Ejuk, Kota Belud berkuat kuasa 23 Jun sehingga 06 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

#### **E PKPD KAMPUNG WARISAN, KOTA KINABALU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Warisan, Kota Kinabalu.
- 2 KKM mendapati berlaku peningkatan kes apabila sebanyak 13 kes telah direkodkan di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Warisan, Kota Kinabalu, berkuat kuasa 23 Jun sehingga 06 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **F PENAMATAN PKPD 3 LOKALITI DI TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti dalam daerah Tawau yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Ketiga-tiga lokaliti tersebut ialah:

- Taman Apas Permai
- Bandar Sri Indah
- Taman Megah Jaya

- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 405 ujian saringan dan 72 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 di ketiga-tiga lokaliti itu.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di tiga lokaliti seperti dinyatakan pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **G PENAMATAN PKPD KAMPUNG NARANDANG, KUDAT**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Narandang, Kudat yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 133 ujian saringan dan 19 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Narandang, Kudat pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **H PENAMATAN PKPD LADANG FGV KALABAKAN SELATAN, KALABAKAN**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 502 ujian saringan dan 68 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **I PENAMATAN PKPD KAMPUNG BOLONG BARU, TUARAN**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bolong Baru, Tuaran yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 906 ujian saringan dan 33 daripadanya disahkan positif COVID-19.



3 KKM mendapati terdapat *trend* penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Bolong Baru, Tuaran, Sabah pada 21 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **J PENAMATAN PKPD KAMPUNG SIMPANGAN, TUARAN**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Simpangan, Tuaran yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 523 ujian saringan, 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

3 KKM mendapati terdapat *trend* penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Simpangan Tuaran, Sabah pada 21 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## **K STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **62,722** orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,530** orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **7,129** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **261,817** orang.

- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **1,061** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **74,308** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 12,349 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 804,851 (mysejahtera 736,683 : laman wed 67,913 : talian vaksinasi 255 ) bersamaan 29.2%

## **L BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **40,736** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **M LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 152 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 51,812 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 532 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 65 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 30 orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
  - Satu (1) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
  - 11 orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah
  - Lima (5) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Sembilan (9) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
  - Sembilan (9) orang : Individu Gagal Menjaga Penjarakan Sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin melibatkan 34+ pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 14+ pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,287 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Empat (4) kompaun dikeluarkan atas kesalahan pemilik gagal mematuhi waktu operasi yang dibenarkan. Kompaun dikeluarkan di daerah Keningau.
  - iii Dua (2) kompaun dikeluarkan atas kesalahan individu gagal mendaftar masuk ke premis sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Nabawan dan Sandakan.
  - iv Satu (1) kompaun dikeluarkan atas kesalahan pemilik premis gagal menyediakan laluan keluar dan masuk yang khas. Kompaun dikeluarkan di daerah Sipitang.
  - v Sebanyak enam (6) Notis dikeluarkan iaitu tiga (3) di daerah Sipitang, dua (2) di daerah Kinabatangan dan satu (1) di daerah Sandakan.
  - vi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 132 premis perniagaan dan 215 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis. 50 Penguatkuasa terlibat dengan agihan bakul makanan di PKPD TLDM dan PKPD Grace Ville.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 128 lokasi melibatkan seramai 166 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 74 anggota di 99 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan lima (5) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 194 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 297 hebahan di seluruh Sabah.

**N KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **94.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beluran	95%
2	Sipitang	95%
3	Kota Marudu	95%
4	Ranau	95%
5	Semporna	94.5%
6	Tenom	94.5%
7	Beaufort	94.5%
8	Kinabatangan	94.5%
9	Tawau	94%
10	Sandakan	94%
11	Kota Belud	94%
12	Keningau	94%
13	Tuaran	94%
14	Lahad Datu	94%
15	Kota Kinabalu	94%
16	Penampang	94%
17	Kudat	94%
18	Kunak	94%
19	Papar	93.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**